

## DASAR PERKHIDMATAN LAPANGAN TERBANG

Mewujudkan satu sistem rangkaian lapangan terbang antarabangsa dan domestik yang lengkap, moden dan bertaraf antarabangsa.

- i. Dengan pengwujudan rangkaian lapangan terbang antarabangsa dan domestik ini, ia akan meningkatkan lagi mobiliti dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi bukan sahaja ekonomi tempatan di kawasan berkenaan malah ia akan menggalakkan ekonomi Negara.
- ii. Bagi mencapai objektif tersebut, perancangan yang strategik bagi pembangunan lapangan terbang telah disediakan di bawah *National Airport Master Plan (NAMP)* untuk tempoh 50 tahun akan datang. NAMP ini merangkumi kesemua lapangan terbang antarabangsa dan domestik di seluruh negara.
- iii. Selain daripada itu, dua perjanjian iaitu *Operating Agreement (OA)* telah ditandatangani oleh Kerajaan dan MAHB pada 12 Februari 2009 bagi mengukuhkan lagi pembangunan serta operasi lapangan terbang di Malaysia.
- iv. Kerajaan juga telah menaikkan taraf lapangan-lapangan terbang dan sistem kawalan trafik udara di Malaysia bagi meningkatkan tahap keselamatan dan kecekapan pengendalian lapangan terbang di seluruh Malaysia serta memenuhi piawaian yang telah ditetapkan dan seterusnya memberi kemudahan dan keselesaan kepada penumpang.

- v. Malaysia mempunyai 6 lapangan terbang antarabangsa, 16 lapangan terbang domestik dan 26 padang terbang (*short take off landing ports* -STOLports) untuk menampung permintaan penumpang yang semakin bertambah dan menampung operasi pelbagai jenis pesawat dari pesawat bersaiz kecil seperti Twin Otter sehinggalah pesawat bersaiz besar seperti A380. Lapangan-lapangan terbang ini dikendalikan oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) kecuali Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor Bahru yang dikendalikan oleh Senai Airport Terminal Services (SATS).
  
- vi. Enam lapangan terbang antarabangsa berkenaan iaitu di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kota Kinabalu, Kuching, Langkawi dan Johor Bahru memberikan kemudahan bertaraf antarabangsa dan kapasiti lapangan terbang berkenaan boleh menampung keperluan pertambahan penumpang dan operasi syarikat penerbangan sama ada dalam dan luar negeri.